

20/07/2002

Gema bincang cetak rompak dengan PM

Akmal Abdullah

SEKIAN lama menunggu untuk bertemu Perdana Menteri bagi meluahkan sendiri kekecewaan dan kerisauan penggiat muzik tempatan terhadap kegiatan cetak rompak yang terus berleluasa, akhirnya hasrat itu berjaya dicapai apabila Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (Gema) mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, petang kelmarin.

Pertemuan selama hampir sejam itu bertumpu pada isu utama iaitu cetak rompak yang masih menjadi kemelut berpanjangan hingga menjejaskan pendapatan penggiat muzik, selain berbincang mengenai kesan pada ekonomi karyawan muzik, cadangan yang wajar diambil dan tindakan susulan.

Pada masa sama, Gema membentangkan permasalahan yang dimuatkan dalam memorandum yang turut diserahkan kepada Perdana Menteri, selain menyampaikan mesej daripada beberapa artis yang sangat berharap kerajaan bertindak lebih jitu dalam menangani isu cetak rompak.

Tiga artis yang turut mewakili Gema ialah Tan Sri S M Salim, M Nasir dan Siti Nurhaliza. Sekali gus, tiga penyanyi terkenal ini mewakili rakan artis generasi masing-masing iaitu veteran, pertengahan dan pelapis baru.

Gema diwakili ahli jawatankuasanya, selain dihadiri wakil syarikat rakaman dan Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Ng Cheong Hock. Turut bersama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Rosmin Hashim yang juga Pengarah Urusan Nova Music dan AJK Gema, berkata pertemuan petang kelmarin adalah positif dan memberi semangat kepada penggiat muzik mengenai harapan baru untuk melihat industri muzik negara pulih kembali.

Katanya, pada pertemuan itu Gema turut menyerahkan rakaman audio visual dalam bentuk VCD kepada Dr Mahathir, mesej atau pesanan beberapa artis mengenai harapan tinggi mereka supaya kerajaan dapat bertindak lebih berkesan dalam isu cetak rompak.

"Antara penyanyi yang terbabit ialah Yusni Hamid, Noraniza Idris, Boboy, Rabbani, ND Lala, Shila Tekno dan beberapa penyanyi lain. Kita juga bentangkan masalah yang dihadapi dan cadangan untuk mengatasi masalah sekian lama yang membelenggu industri muzik.

"Komen Perdana Menteri adalah positif dan beliau berkata ada beberapa cadangan daripada kita adalah baik dan akan dibawa berbincang dengan anggota Kabinet untuk berbuat sesuatu. Cuma Perdana Menteri berkata ia (masalah cetak rompak) tidak dapat diatasi dalam masa sehari dua dan akan berusaha untuk membantu.

"Pada pertemuan itu juga, kita beri peluang tiga artis untuk bercakap sendiri dan luahkan isi hati masing-masing. Semua diberi peluang bercakap dan saya juga membentangkan apa yang terkandung dalam memorandum iaitu permasalahan dan langkah yang perlu diambil.

"Sebenarnya kami sudah serahkan memorandum kepada Perdana Menteri sebelum pertemuan ini dan kesinambungan memorandum akan dihantar sekali lagi untuk memberikan secara teliti cadangan yang kami usulkan untuk dipertimbangkan Kabinet," kata Rosmin kepada Persada Seni.

Rosmin menjelaskan, pertemuan dengan Dr Mahathir adalah matlamat awal Gema ditubuhkan sejak akhir tahun lalu iaitu pihaknya mahu mendapatkan kemahuan politik daripada kerajaan supaya masalah ini dapat dibawa ke peringkat tertinggi

"Kita akan buat susulan dan pastikan tindakan lanjut akan diambil. Gema amat berterima kasih kepada Perdana Menteri atas kesudian bertemu kita. Pesanannya ialah minta kita bersabar dan ia tidak boleh diselesaikan

segera dan kerajaan akan berbuat sesuatu," katanya.

Siti Nurhaliza yang ditemui selepas majlis itu kelihatan gembira kerana dapat meluahkan isi hatinya secara berdepan dengan Perdana Menteri mengenai isu cetak rompak.

"Alhamdulillah, ini pertemuan yang baik. Perdana Menteri beri reaksi positif apa yang kita sampaikan. Saya diberi peluang bercakap mewakili penyanyi generasi baru.

"Pertemuan ini lebih fokus pada isu cetak rompak dan saya mewakili generasi penyanyi baru bercakap apa yang membimbangkan kami. Saya cakap cetak rompak beri kesan buruk sebab ia menjejaskan pendapatan kepada penyanyi. Banyak penyanyi baru kena bergantung pada royalti. Saya juga luahkan rasa kecewa fasal cetak rompak sedangkan saya baru enam tahun jadi penyanyi.

"Perdana Menteri suruh kita bersabar, jangan terburu-buru sebab ia boleh dibawa berbincang secara lanjut dan kerajaan akan bertindak. Harapan kita semoga isu cetak rompak dapat diselesaikan dan pendapatan artis akan lumayan serta industri muzik tidak pupus.

"Perdana Menteri tidak berjanji tetapi berkata beliau akan cuba membantu sedaya upaya," kata Siti Nurhaliza yang turut ditemani pengurus yang juga abangnya, Ayie Taruddin dan pengurus peribadinya, Rozie Razak.